



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR
Ministry of Environment

KENYATAAN MEDIA YB MENTERI ALAM SEKITAR

STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN: IPU UDARA BERSIH MENINGKAT

31 MAC 2020, PUTRAJAYA – Kementerian Alam Sekitar (KAS) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membuat pemantauan dan analisis perbandingan terhadap Indeks Pencemar Udara (IPU) sebelum dan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. JAS mendapati terdapat sebanyak **2% penurunan IPU bagi bilangan hari sederhana dan peningkatan 2% IPU bagi bilangan hari bersih di seluruh Malaysia** semenjak PKP ini dikuatkuasakan.

JAS telah membuat analisis terperinci ke atas beberapa parameter utama iaitu nitrogen dioksida (NO_2), sulfur dioksida (SO_2), karbon monoksida (CO) dan habuk halus bersaiz diameter 2.5 mikron ($\text{PM}_{2.5}$) di beberapa stesen pengawasan kualiti udara di Lembah Klang iaitu di **Batu Muda (Kuala Lumpur), Cheras (Kuala Lumpur) dan Putrajaya** bagi tempoh 1 Mac hingga 30 Mac 2020. Sejak **PKP berkuatkuasa pada 18 Mac 2020**, tren bacaan pencemar udara iaitu NO_2 , SO_2 , CO dan $\text{PM}_{2.5}$ di tiga kawasan tersebut didapati berlaku penurunan seperti berikut:

- i) Penurunan 55% hingga 68% bagi NO_2 ;
- ii) Penurunan 17% hingga 34% bagi SO_2 ;
- iii) Penurunan 6% hingga 15% bagi CO; dan
- iv) Penurunan 6% hingga 14% bagi $\text{PM}_{2.5}$

Tren penurunan ini susulan dengan penurunan bilangan kenderaan motor di jalan raya dan aktiviti perindustrian sepanjang tempoh PKP.

JAS juga turut membuat analisis kualiti udara dari stesen pengawasan kualiti udara di bandar-bandar utama di seluruh Malaysia **seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam, Kuantan, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu** bagi tempoh yang sama adalah didapati terdapat penurunan ke atas **parameter berikut iaitu NO₂ antara 11% hingga 62%, SO₂ antara 5% hingga 22%, CO antara 2% hingga 25% dan PM_{2.5} antara 2% hingga 23%.**

Langkah kerajaan melaksanakan PKP ini bukan sahaja dapat mengurangkan penyebaran penyakit Covid-19 yang berleluasa sekarang tetapi juga dapat mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar disebabkan oleh pengurangan aktiviti atau punca yang menyebabkan pencemaran udara seperti pelepasan asap kenderaan, pelepasan asap cerobong industri dan pembakaran terbuka.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web JAS di pautan <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan di Apple 'App Store'. JAS sentiasa memantau rapi status kualiti udara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 14 April 2020 ini.

Bagi menangani cuaca panas dan kering semasa langkah PKP ini, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

-TAMAT-

